

NO. SOALAN: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD.
RAHMAN [TANJONG MANIS]**

TARIKH : 21 MAC 2018

RUJUKAN : 10605

SOALAN:

Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kaedah yang digunakan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk mengesan anggota polis yang membocorkan maklumat seperti pembocoran maklumat mengenai serbuan dan tangkapan untuk pengedar dadah atau pun lain-lain kes yang bersamaan.

97

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah-langkah yang diambil bagi membendung kebocoran maklumat adalah seperti berikut:

- i) “Need to Know Basis” yang bermaksud maklumat yang mempunyai “Security Concern” dan hanya mereka yang sepatutnya tahu sahaja boleh mengakses maklumat berkenaan;**
- ii) taklimat kepada pasukan serbuan akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat sebelum operasi dilaksanakan. Semua anggota yang terlibat tidak dibenarkan keluar dari bilik taklimat dan segala peralatan peribadi tidak dibenarkan dibawa masuk dan sebarang komunikasi hanya menggunakan peralatan yang dibekalkan oleh pasukan;**
- iii) bagi kes berprofil tinggi, pasukan serbuan akan dikecilkan supaya kawalan dan pemantauan lebih mudah dikendalikan. Jika serbuan tersebut memerlukan pasukan bantuan, anggota yang membantu akan diberikan taklimat secara berasingan dan tugas spesifik diberikan kepada mereka tanpa mengetahui tujuan sebenar operasi tersebut; dan**
- iv) pelan kontingensi turut disediakan dan akan digunakan sekiranya ada tanda-tanda maklumat berkenaan telah dibocorkan;**

Bagi mana-mana “orang dalam” atau pegawai polis yang didapati membocorkan apa-apa maklumat rasmi, mereka boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 203A Kanun Keseksaan atau di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 atau undang-undang lain yang sedia ada dan tindakan tatatertib akan diambil atau didakwa di mahkamah.